

14/10/2003

Faktor KM, strategi 1:10 resipi menang

Daud Awang

BAHANG pilihan raya semakin hangat dan topik mengenainya semakin rancak diperkatakan. Pelbagai andaian dibuat mengenai tarikh pilihan raya dan yang lebih penting siapa yang bakal bergelar Yang Berhormat (YB) selepas pilihan raya nanti.

Bagi wakil rakyat di Melaka, ramai yang masih berangan-angan terpilih satu penggal atau dua penggal lagi sebagai YB, tetapi ada juga yang kecut perut kemungkinan digugurkan daripada senarai calon.

Maklumlah prestasi mereka menjadi persoalan, selain faktor umur yang memerlukan mereka berundur secara terhormat.

Apapun, keputusan adalah bergantung kepada Presiden Umno ketika itu. Jika pilihan raya diadakan selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara akhir bulan ini, bermakna tugas itu menjadi tanggungjawab Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Persoalannya ialah bagaimana Barisan Nasional (BN) dapat menawan semula satu kerusi Parlimen dan empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang kini dimiliki pembangkang.

Kerusi terbabit ialah Parlimen Kota Melaka, DUN Bandar Hilir, Tengkeras, Durian Daun dan Bachang yang dikuasai DAP.

Jika mengikut perkiraan di atas kertas, semua kerusi berkenaan boleh ditawan BN jika meletakkan calon yang sesuai dengan selera pengundi, selain mempunyai jentera pilihan raya yang mantap.

Selain itu, faktor kepemimpinan Pengerusi BN negeri yang juga Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dianggap resipi terbaik menyingkirkan penguasaan pembangkang di kawasan terbabit.

Ini terbukti apabila sikap low profile yang diamalkan oleh Mohd Ali seperti berjoging bersama rakyat setiap hujung minggu dan program turun padang, termasuk di kawasan pembangkang menjadi strategi berguna menawan hati rakyat.

Tidak cukup dengan itu, Mohd Ali sanggup mengangkut sampah dan mencuci longkang semata-mata memastikan setiap kawasan mendapat perhatian sewajarnya oleh wakil rakyat BN.

Jika keadaan ini dapat dieksploitasi dengan strategi 1:10 (satu pengundi mencari 10 pengundi lain), sudah pasti pengundi tegar yang selama ini menyokong pembangkang akan beralih menyokong BN pada pilihan raya akan datang.

Tidak hairan ketika merasmikan bilik bacaan desa di Kampung Kolam, Limbungan baru-baru ini, Mohd Ali berjanji melakukan perubahan drastik di kawasan Parlimen Kota Melaka jika pengundi memilih BN pada pilihan raya kali ini.

Katanya, ini kerana selama 30 tahun parti pembangkang menguasai kawasan Parlimen itu, tidak ada perubahan yang berlaku kerana pemimpinnya lebih suka bercakap daripada bekerja.

"Kita buat air terjun, mereka kritik. Kita buat Hang Tuah Mall, mereka kritik kerana membazir. Kita tanam bunga, mereka kritik. Semua yang kita buat, serba tak kena.

"Tetapi mereka lupa, jika negeri ini cantik, indah dan menarik, ia sudah tentu dapat memikat pelancong. Jika ramai pelancong datang, siapa yang untung. Sudah tentu rakyat mendapat manfaat. Pemandu teksi dan penarik beca mendapat penumpang.

"Rakyat boleh berniaga. Jika mereka berniaga, sudah tentu pendapatan akan meningkat. Inilah dasar kerajaan BN membangunkan rakyat dan negeri.

Bukan macam pembangkang hanya pandai mengkritik saja," katanya.

Hasrat BN untuk menyapu bersih kerusi Parlimen dan DUN kali ini mungkin menjadi kenyataan. Kelebihan kini terletak kepada BN dan terpulang kepada Mohd Ali dan komponen lain menyiapkan jentera dan strategi menawan kerusi pembangkang pada pilihan raya kali ini.

Jika kena gaya dan calonnya, sudah pasti semua kerusi itu akan dapat ditawan oleh BN tetapi jika tersilap percaturan, BN akan terus menggigit jari.